


Newspaper	Berita Harian
Date	23 September 2015



## Pernah berniaga air halia

### **I** Dr Mahathir

Disiplin, kerja keras dan amanah adalah asas kejayaan individu. Itu ditegaskan oleh Bapa Pemodenan yang juga Perdana Menteri keempat, Dr Mahathir yang turut menegur golongan muda khususnya lelaki hari ini; yang dilihat 'kurang' menyerlah dalam banyak perkara.

Dr Mahathir berkata, contohnya bilangan lelaki lebih sedikit berbanding wanita dari segi kemasukan ke institusi pengajian tinggi.

"Mereka kurang disiplin, lebih suka berseronok dan suka menjadi mat rempit daripada pergi ke universiti. Zaman saya dulu, rasa tidak sabar dapat masuk universiti. Golongan muda sekarang pula, tidak merebut peluang di hadapan mereka. Sebenarnya, mereka perlu berdisiplin dan bertanggungjawab kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat," katanya.

Dr Mahathir berkata, untuk berjaya dalam hidup, ia perlu disusuli

dengan kerja keras dan amanah walau dalam apa saja perkara.

"Keajaiban sangat perlu, tanpanya anda tidak mungkin berjaya. Begitu juga dengan amanah. Apabila disuruh buat sesuatu, buatlah dengan jujur dan bertanggungjawab, barulah kita boleh menjadi orang yang berjaya," katanya.

Dr Mahathir yang memasuki usia 90 tahun sememangnya banyak pengalaman dan paling tidak dapat dilupakan, ketika negara dijajah oleh Jepun.

### **Pekan Rabu latih jadi Perdana Menteri**

"Saya mendapat didikan di sekolah Inggeris, tetapi apabila Jepun datang memerintah, sekolah itu ditutup dan diganti dengan sekolah Jepun. Tetapi saya tidak meneruskan persekolahan sebab yakirt Jepun tidak lama (memerintah).

"Kesempatan tidak bersekolah selama tiga tahun, saya lalui dengan merebut peluang ber-

niaga bersama tiga rakan saya di Pekan Rabu. Kami menjual air halia. Banyak juga untung yang saya dapat, tetapi ketika itu, orang Melayu tidak suka berniaga seperti orang Cina kerana mereka lebih suka makan gaji. Mentaliti ketika itu, berniaga satu pekerjaan hina berbanding makan gaji yang dianggap lebih mulia," katanya.

Dr Mahathir berkata, Pekan Rabu antara lokasi yang sentiasa segar menggamit memorinya walaupun kebanyakan rakan baiknya hampir semuanya sudah meninggal dunia.

"Jika saya balik ke Kedah, saya kerap mengunjungi Pekan Rabu. Walaupun kawan sudah tiada lagi, mereka masih ada anak dan cucu yang mengingatkan nostalgia saya bersama mereka. Malah, saya bagi semangat dan pesanan kepada mereka, jika mahu menjadi Perdana Menteri, di sinilah (Pekan Rabu) tempat kita melatih diri," katanya.